

NCRC-UUM dalam "Makmal Transformasi Ekonomi Sarawak"

Northern Corridor Research Centre (NCRC)

Telah Dihantar: 14 Julai 2011 15:34

Kepada: UUM - All Staff

Lampiran-lampiran: image002.jpg (9 KB);



14 JULAI 2011/12 SYAABAN 1432H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

NCRC-UUM dalam "Makmal Transformasi Ekonomi Sarawak"

NCRC Online: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama-sama dengan agensi MITI peringkat Persekutuan, Wilayah dan Negeri telah menganjurkan Makmal (lab) Transformasi Sarawak dari 12 Julai hingga 14 Julai, 2011 di Riverside, Majestic Hotel Kuching, Sarawak.

Sekali lagi, pihak Northern Corridor Research Centre (NCRC) yang diwakili oleh Encik Muhammad Ridhuan Bos Abdullah sekali lagi telah dijemput untuk menghadiri Makmal (lab) Transformasi ini berikutan komitmen pihak NCRC kepada pihak MITI dalam menyumbang idea dalam Makmal Transformasi Ekonomi Kedah yang telah berlangsung pada 31 Mei hingga 2 Jun, 2011 dan Retreat Industri Pelancongan Negeri Kedah/ Perlis 2011 yang telah berlangsung pada 8 Jun hingga 10 Jun, 2011.

Makmal (lab) Transformasi Ekonomi Sarawak ini diadakan bertujuan untuk membincangkan dan mencari idea-idea serta peluang dalam pembangunan sektor Pembuatan, Perkhidmatan, Pelancongan, Pendidikan, Pertanian, Tenaga Diperbaharui (Renewable Energy) dan Kumpulan Usahawan Wanita. Dijangkakan seramai 200 peserta terdiri dari Sektor Swasta, Industri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO's) akan mengambil bahagian. Diharapkan sumbangan idea ini akan dapat mencapai hasrat untuk mempertingkatkan Sarawak dalam arus ekonomi yang selaras dengan Pelan Transformasi Negara.

Sekian, terima kasih.